

Allianz 



ALLIANZ SHIELD PLUS

Bersiap sedia untuk  
segala kemungkinan  
dengan **perlindungan**  
**komprensif**

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)  
(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

# perlindungan yang padu

Malang tidak berbau. Kehilangan sumber pendapatan dan bil yang menimbun kerana kecederaan serius akibat kemalangan boleh menjadi beban kepada kewangan orang tersayang, apatah lagi sekiranya berlaku kematian. Tekanan kehidupan seharian boleh menyebabkan kita alpa mengenai kepentingan untuk menikmati dan menghargai setiap detik dalam kehidupan kita.

Dengan perlindungan **Allianz Shield Plus** yang ditambah baik, anda boleh menjalani kehidupan dengan tenang.

## Allianz Shield Plus



### Kemalangan Diri Komprehensif

Merangkumi semua pelan yang direka untuk membantu anda bersedia dari segi kewangan untuk cabaran hidup.



### Faedah Lanjutan


Perlindungan tambahan tanpa sebarang kos tambahan untuk membantu anda bersedia menghadapi rintangan dalam hidup.



### Faedah Pilihan Gaya Hidup dan Kehidupan

Perlindungan tambahan untuk membantu anda menjalani kehidupan sekiranya berlaku kemalangan yang tidak dijangka.

Berikut adalah **sembilan aspek utama** bagaimana **Allianz Shield Plus** menjaga anda dan keluarga anda serta memperkasakan anda untuk mula hidup sepenuhnya dengan jiwa yang tenang.



Perlindungan yang tinggi sehingga **RM3 juta** bagi Kematian & Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan

**BAHARU**  
Diskaun sehingga **\*50%** untuk perlindungan keluarga

**20%** perlindungan bagi Elaun Perkabangan akibat Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya

**BAHARU**  
Bonus Pembaharuan pantas **\*20%** setahun

Faedah Perubatan Alternatif

Kemasukan dan Keluar Hospital **Tanpa Tunda** bagi Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan

Pilihan perlindungan sehingga **RM2 juta** untuk Bantuan Perubatan dan Pemindahan

Perlindungan Peranti Pintar di bawah Faedah **Gaya Hidup** dan Kehidupan

Dengan Pilihan **Tanggung Rugi Berganda** akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor

\* Tertakluk kepada terma dan syarat.

# Jadual faedah

Faedah	(RM)									
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan untuk Kematian & Hilang Upaya Kekal (sehingga)	60,000	120,000	180,000	240,000	360,000	600,000	900,000	1,200,000	2,000,000 <sup>i</sup>	3,000,000 <sup>i</sup>
Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	3,500	4,500	5,500	6,500	7,500	8,500	9,500	10,000	12,000	15,000
Perubatan Alternatif (sehingga)	350	400	450	500	550	600	650	700	750	800
Pemindahan Darah	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan									
Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik (sehingga)	5,000									
Pendapatan Hospital (setiap hari/maks. 180 hari)	85	85	85	110	110	185	185	235	250	300
Bonus Pembaharuan	sehingga 100% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan									
Impotensi Kekal atau Infertiliti	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan									
Penculikan	10,000 bagi perbelanjaan dan 50,000 bagi ganjaran									
Bayaran Ambulans (sehingga)	500									
Perbelanjaan Pengebumian	5,000									
Elaun Perkabungan	20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan									
Liabiliti Peribadi (sehingga)	Tiga kali ganda daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan									
Perbelanjaan Mobiliti (sehingga)	2,000									
Perbelanjaan Repatriasi (sehingga)	20,000									
Keguguran (akibat Kemalangan)	2,000									
Perlindungan Ehsan (sehingga)	10,000									
Ragut atau Percubaan Meragut	600									
Tanggung Rugi Berganda (semasa menggunakan Pengangkutan Awam atau melancong ke luar negara)	Ada									

# Faedah pilihan

## Faedah Mingguan

Pekerjaan	(RM)									
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
Kelas 1 dan 2	50	75	100	125	150	250	375	500	750	1,000
Kelas 3	50	50	50	75	75			Tiada		

## Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
Kelas 1 dan 2				Ada						Tiada

## Bantuan Perubatan Dan Pemandahan Antarabangsa dan Domestik

Pekerjaan	(RM)
Kelas 1, 2 dan 3	sehingga 2,000,000

## Faedah Pilihan Gaya Hidup dan Kehidupan (sehingga)

Faedah	(RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Perlindungan Peranti Pintar <sup>ii</sup>	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Perlindungan Belian Atas Talian <sup>ii</sup>	300	500	800	1,000	1,500
Indemniti Kad Kredit dan Pinjaman	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Kehilangan Peralatan Sukan <sup>iii</sup>	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Terlepas Acara	300	350	400	450	500
Penjagaan Kejururawatan	500	1,000	2,000	3,000	4,000
Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup	5,000	10,000	20,000	25,000	30,000
Perbelanjaan Rehabilitasi	1,000	2,000	3,000	4,000	5,000
Perkhidmatan Pengemasan	300	350	400	450	500

## Faedah Gangguan Pembelajaran (sehingga)

Faedah	(RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Kecederaan pada Orang Yang Diinsuranskan					
Kematian Penaja <sup>iii</sup> (akibat Kemalangan)	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
Perbelanjaan Pengangkutan <sup>ii</sup> (sub-had <sup>iv</sup> )					

Nota:

1. Bagi kanak-kanak berumur antara satu (1) bulan hingga dua belas (12) tahun, bayaran maksima Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan yang dibenarkan adalah RM120,000.
2. Bagi kanak-kanak berumur antara dua belas (12) tahun hingga tujuh belas (17) tahun, bayaran maksima Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan yang dibenarkan adalah RM180,000.
3. Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor hanya untuk Pekerja Kelas 1 dan 2 dan Pelan 1 hingga 8 sahaja.
4. <sup>i</sup>Akan dirujuk untuk pengunderaitan. Bagi setiap individu yang memohon pembelian Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan untuk RM2,000,000 dan RM3,000,000, Pencadang dikehendaki menghantar Borang Soalan Amaun Besar (LAQ) yang lengkap ditandatangani oleh Pencadang dan Pengurus Cawangan.
5. Sekiranya Faedah Tanggung Rugi Berganda (semasa perjalanan di dalam Pengangkutan Awam atau semasa perjalanan di luar negara) dibayar dalam Polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan hanya berhak untuk menuntut sama ada Tanggung Rugi Berganda (semasa perjalanan di dalam Pengangkutan Awam atau semasa perjalanan di luar negara) atau faedah pilihan Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor.
6. Hanya Faedah Perkabungan dan Hilang Upaya Kekal akan dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan berada diluar daripada Malaysia, Brunei dan Singapura selama lebih dari 90 hari berturut-turut. Syarat ini tidak terpakai bagi Faedah Pilihan - Faedah Gaya Hidup dan Kehidupan dan Faedah Gangguan Pembelajaran.
7. Hanya Orang Yang Diinsuranskan berumur antara enam belas (16) tahun sehingga enam puluh lima (65) yang layak memilih Faedah Gaya Hidup dan Kehidupan dan Faedah Gangguan Pembelajaran.
8. <sup>ii</sup>Faedah ini terhad kepada dua (2) tuntutan sepanjang Tempoh Insurans.
9. <sup>iii</sup>Butiran seorang (1) penaja yang berumur antara lapan belas (18) tahun dan tujuh puluh (70) tahun mestilah diberikan semasa permohonan insurans dan/atau pembaharuan.
10. <sup>iv</sup>Perbelanjaan Pengangkutan tertakluk kepada sub-had RM1,000, RM2,000, RM3,000, RM4,000 dan RM5,000 untuk Pelan A hingga E masing-masing.
11. Faedah Gangguan Pembelajaran hanya terpakai untuk Orang Yang Diinsuranskan yang merupakan pelajar sepenuh masa berdaftar di institusi pendidikan dan Faedah ini tidak akan terpakai sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah menamatkan pengajiannya pada bila-bila masa semasa Tempoh Insurans.
12. Sekiranya anda memilih Pembaharuan Automatik, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi anda dan bayaran Premium yang perlu dibayar, Polisi anda akan diperbaharui pada setiap ulang tahun apabila tamat tempoh melainkan Polisi ini ditamatkan.

## Kadar premium

### Umur 50 tahun dan ke bawah

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
<b>Premium Tahunan dengan Faedah Mingguan (RM)</b>										
Kelas 1 & 2	145	219	292	376	502	859	1,153	1,510	2,054	2,992
Kelas 3	200	305	420	578	840	Tiada				

<b>Premium Tahunan Tanpa Faedah Mingguan (RM)</b>										
Kelas 1 & 2	103	177	229	303	418	670	943	1,248	1,816	2,674
Kelas 3	168	273	389	525	788	Tiada				

### Umur 51 tahun sehingga 80 tahun

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
<b>Premium Tahunan dengan Faedah Mingguan (RM)</b>										
Kelas 1 & 2	174	263	350	451	602	1,031	1,383	1,812	2,465	3,590
Kelas 3	240	366	504	693	1,008	Tiada				

<b>Premium Tahunan Tanpa Faedah Mingguan (RM)</b>										
Kelas 1 & 2	123	212	275	363	501	804	1,131	1,497	2,179	3,209
Kelas 3	201	327	467	630	945	Tiada				

Nota: Premium tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem RM10 perlu di bayar untuk Kontrak Insurans.

## Kadar premium untuk faedah pilihan

### Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor

Pekerjaan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8	Pelan 9	Pelan 10
(RM)										
Kelas 1 & 2	18	36	54	72	108	180	270	360	Tiada	
Kelas 3	Tiada									

### Bantuan Perubatan Dan Pindahan Antarabangsa dan Domestik

Kelas 1, 2 & 3	RM15
----------------	------

### Faedah Gaya Hidup dan Kehidupan

Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
RM47	RM70	RM94	RM118	RM141

### Faedah Gangguan Pembelajaran

Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
RM16	RM32	RM48	RM64	RM80

Nota: Premium tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem RM10 perlu di bayar untuk Kontrak Insurans.

## Kelebihan pelan keluarga BAHARU

Adalah mustahil untuk melindungi anak anda daripada segala benjolan, lebam, calar dan jatuh sepanjang mereka meneroka perjalanan untuk menjadi jaguh masa depan. Dengan adanya dua jenis diskaun Premium, **Allianz Shield Plus** dilanjutkan untuk melindungi jaguh masa depan anda daripada kerentanan yang tidak dijangka.

### Senario A : Diskaun 30%



**Anda diinsuranskan di bawah Allianz Shield Plus.**

Setiap \*anak/anak-anak anda akan menikmati **diskaun 30%** pada premium jika anda menginsuranskannya di bawah polisi yang sama.

Premium Tahunan tanpa Faedah Mingguan

Kelas 1 & 2	Ibu Bapa 1	Anak 1	Anak 2
Pelan 1 (RM)	103	<del>103</del> 72.10	<del>103</del> 72.10

**Diskaun 30% setiap anak**

### Senario B : Diskaun 50%



**Anda dan pasangan anda diinsuranskan di bawah Polisi Allianz Shield Plus yang sama.**

**Bayar kurang, lebih perlindungan!**

Setiap \*anak/anak-anak anda akan menikmati **diskaun 50%** pada premium jika anda menginsuranskannya di bawah polisi yang sama.

Premium Tahunan tanpa Faedah Mingguan

Kelas 1 & 2	Ibu Bapa 1	Ibu Bapa 2	Anak 1	Anak 2
Pelan 1 (RM)	103	103	<del>103</del> 51.50	<del>103</del> 51.50

**Diskaun 50% setiap anak**

\*Anak/anak-anak merujuk kepada anak/anak-anak Orang Yang Diinsuranskan yang belum berkahwin berumur lebih daripada tiga puluh (30) hari tetapi bawah lapan belas (18) tahun atau bawah dua puluh empat (24) tahun sekiranya anak/anak-anak merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan masih belum mendapat pekerjaan.



## Penerangan faedah

**Allianz Shield Plus** direka untuk memberi anda dan insan yang tersayang dua puluh (20) faedah utama sekiranya perkara yang tidak diduga berlaku.



### Kematian/Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan

Membayar Jumlah Pokok Yang Diinsurankan jika berlaku Kematian atau Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan.



### Ragut atau Percubaan Meragut

Sekiranya berlaku Ragut atau Percubaan Meragut, Syarikat akan membayar pampasan sebanyak RM600 kepada Orang Yang Diinsurankan dengan syarat laporan polis telah dibuat. Laporan polis hendaklah dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian Ragut atau Percubaan Meragut berlaku.



### Tanggung Rugi Berganda

Sekiranya Orang Yang Diinsurankan meninggal dunia, lumpuh kekal dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua anggota tangan atau kaki (atau dua atau lebih anggota tangan atau kaki) akibat Kemalangan yang berlaku semasa perjalanannya sebagai penumpang yang membayar tambang dalam Pengangkutan Awam atau semasa melancong di luar negara, faedah ini bersama dengan Faedah Bonus Pembaharuan (jika ada) akan menjadi dua kali ganda



### Pendapatan Hospital

Faedah harian akan dibayar selama tempoh penghospitalan akibat Kemalangan, sehingga maksima seratus lapan puluh (180) hari.

Faedah ini akan bermula sekiranya Orang Yang Diinsurankan dirawat di hospital lebih daripada dua belas (12) jam disebabkan oleh Kemalangan.



### Bonus Pembaharuan

Semasa pembaharuan polisi, kenaikan Jumlah Pokok Yang Diinsurankan:

- sebanyak dua puluh peratus (20%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsurankan yang berumur di antara tiga puluh (30) hari hingga empat puluh (40) tahun; atau
- sebanyak sepuluh peratus (10%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsurankan yang berumur empat puluh (41) tahun dan ke atas;

tanpa mengira sebarang tuntutan yang dibuat dibawah Perbelanjaan Perubatan, Pemindahan Darah, Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik (sehingga), Faedah Mingguan, Pendapatan Hospital, Penculikan, Bayaran Ambulans dan Liabiliti Peribadi.



### Perbelanjaan Pengebumian

Membayar sebanyak RM5,000 untuk Perbelanjaan Pengebumian sekiranya belaku Kematian akibat Kemalangan.



### Penculikan

Pembayaran sekaligus sebanyak RM10,000 untuk perbelanjaan yang diperlukan untuk mencari Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat juga menawarkan ganjaran RM50,000 untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat bahawa Orang Yang Diinsuranskan masih hidup pada masa penemuan. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat ditemui selepas tempoh satu tahun dari tarikh dilaporkan berlakunya kejadian culik kepada pihak polis, Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan akan dibayar sepenuhnya.



### Elaun Perkabungan

Membayar sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan sekiranya belaku Kematian yang disebabkan oleh Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya sebagai Elaun Perkabungan selepas mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh Syarikat.



### Liabiliti Peribadi

Tertakluk pada had jumlah liabiliti, Syarikat akan menanggung Orang Yang Diinsuranskan untuk semua bayaran yang perlu dibayar kepada pihak ketiga sekiranya berlaku kecederaan anggota badan atau kerosakan harta benda pihak ketiga tersebut akibat Kemalangan. Had wilayah bagi faedah ini hanya di dalam Malaysia sahaja.



### Perbelanjaan Mobiliti

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan, Syarikat akan membayar balik kos pembelian peralatan perubatan hingga had yang ditetapkan dalam Jadual dengan syarat bahawa pembelian peralatan perubatan adalah perlu untuk membantu mobiliti Orang Yang Diinsuranskan dan disyorkan oleh Pengamal Perubatan yang merawat.



### Perbelanjaan Repatriasi

Syarikat akan membayar balik kepada wakil Orang Yang Diinsuranskan yang sah dari segi undang-undang sehingga maksimum RM20,000 sebagai Perbelanjaan Repatriasi untuk menghantar balik jenazah Orang Yang Diinsuranskan ke negara asalnya jika meninggal dunia akibat Kemalangan semasa dalam perjalanan di luar negara.



### Perbelanjaan Perubatan

Syarikat akan menanggung perbelanjaan perubatan untuk rawatan kecederaan Orang Yang Diinsuranskan akibat Kemalangan, termasuk penyakit-penyakit seperti Denggi, Virus Zika, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya.



### Faedah Kemasukan dan Keluar Hospital Tanpa Tunai

Jaminan Kemasukan Tanpa Tunai sehingga RM2,500 di semua hospital yang turut serta di dalam Malaysia atau Negara-Negara Asia Pasifik<sup>v</sup> disebabkan oleh Kemalangan. Denggi, Malaria, Japanese Encephalitis atau Chikungunya, Zika dan sebarang penyakit yang berkaitan adalah dikecualikan dari kemasukan tanpa tunai ini. Syarikat juga akan memberi kemudahan keluar dari hospital tanpa tunai sekiranya Orang Yang Diinsuranskan keluar dari hospital yang sama dengan syarat semua perkara dalam bil hospital tersebut ditanggung di bawah Faedah Perbelanjaan Perubatan. Faedah Tanpa Tunai ini akan hanya diaktifkan selepas tujuh (7) hari bekerja dari serahan dan penerimaan cadangan Orang Yang Diinsuranskan ke mana-mana pejabat Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad.

<sup>v</sup> Negara-Negara Asia Pasifik: Australia, Bangladesh, Brunei, Kemboja, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Laos, Macau, Myanmar, Nepal, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand and Vietnam.



### Perubatan Alternatif

Membayar balik kos untuk Perubatan Alternatif yang ditanggung oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat Kemalangan sehingga ke had yang dinyatakan dalam Jadual.



### Pemindahan Darah

Membayar sebanyak 20% daripada Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan jika Orang Yang Diinsuranskan dijangkiti Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) akibat pemindahan darah ketika menjalani rawatan perubatan bagi kecederaan di hospital kerajaan atau hospital swasta berlesen dalam Malaysia. Pampasan hanya akan dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis positif dengan Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV) dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh pemindahan darah.





**Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik**

Membayar sehingga RM5,000 bagi apa-apa perbelanjaan tambahan berkenaan dengan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembaikan Kosmetik pada bahagian leher, kepala atau dada (pusat dan ke atas) berikutan kecederaan yang dialami akibat Kemalangan.



**Impotensi Kekal Atau Infertiliti**

Membayar sehingga had yang ditentukan dalam Skala Faedah bagi Impotensi Kekal atau Infertiliti disebabkan oleh Kemalangan.



**Keguguran akibat Kemalangan**

Membayar sebanyak RM2,000 untuk setiap Kemalangan kepada Orang Yang Diinsuranskan sekiranya mengalami keguguran akibat Kemalangan.



**Perlindungan Ehsan**

- (i) Membayar balik sehingga RM10,000 untuk perbelanjaan yang munasabah semasa perjalanan dan penginapan oleh satu (1) ahli keluarga untuk menjaga dan/atau menemani Orang Yang Diinsuranskan yang dibawah umur, tidak lebih daripada lapan belas (18) tahun, semasa tempoh penghospitalan dengan syarat penghospitalan adalah disebabkan oleh Kemalangan.
- (ii) Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan melahirkan bayi yang mempunyai kecacatan disebabkan oleh Virus Zika yang disahkan oleh Pengamal Perubatan, Syarikat akan membayar sebanyak RM10,000 secara sekaligus kepada Orang Yang Diinsuranskan.



**Bayaran Ambulans**

Membayar untuk Caj Ambulans sehingga RM500 setiap Kemalangan.

# Faedah lanjutan

Kami memahami bahawa kehidupan ini tidak dapat diduga. Oleh itu, **Allianz Shield Plus** mengorak langkah ke hadapan dengan faedah lanjutan untuk memastikan perlindungan lebih terjamin untuk anda. Tertakluk kepada terma, pengecualian, proviso dan syarat-syarat, perlindungan yang diperuntukkan akan diperluaskan kepada keadaan yang berikutnya.



Risiko Bermotosikal



Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam



Rampasan



Pembunuhan dan Serangan Yang Tidak Diprovokasi



Lemas akibat Asap, Wap dan Gas Beracun



Memburu dan Mendaki Gunung (tanpa atau menggunakan bantuan tali atau pengendali)



Mabuk di dalam had undang-undang



Sukan Amatur (kecuali seni mempertahankan diri dan tinju)



Banjir, Ribut dan Gempa Bumi



Keracunan Makanan atau Minuman



Sukan Air



Aktiviti-aktiviti Dalam Air/Selam Skuba (Sehingga 50 Meter)



Permainan Polo dan Terjunan Bungee



Lemas atau Hampir Lemas yang tidak disengajakan



Sengatan Serangga, Patukan Ular dan Gigitan Binatang

## Faedah pilihan

Faedah pilihan berikut boleh ditambah pada pelan **Allianz Shield Plus** anda dengan bayaran Premium tambahan untuk bersedia dari segi kewangan optimum terhadap sebarang gangguan kehidupan yang boleh mengganggu sementara gaya hidup semasa anda.

### Faedah Mingguan



Membayar sehingga 52 minggu jika anda tidak berupaya sepenuhnya melakukan tugas-tugas seperti yang disahkan oleh Pengamal Perubatan.

### Tanggung Rugi Berganda dalam kejadian Kemalangan Kenderaan Bermotor



Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia, lumpuh kekal dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua anggota (atau dua atau lebih anggota tangan atau kaki) akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor sebagai seorang pejalan kaki, penumpang, pembonceng atau pemandu/penunggang, faedah ini bersama dengan Faedah Bonus Pembaharuan (jika ada) akan menjadi dua kali ganda.

### Program 24 Jam Bantuan Perubatan Dan Pemindahan Antarabangsa Dan Domestik



1. Pemindahan perubatan;
2. Repatriasi di bawah seliaan perubatan;
3. <sup>vi</sup> Repatriasi Jenazah (sehingga RM25,000 setiap peristiwa);
4. <sup>vi</sup> Penziarahan oleh saudara mara (sehingga RM5,000 setiap peristiwa);
5. <sup>vi</sup> Penghantaran balik kanak-kanak yang mengiringi Orang Yang Diinsuranskan (sehingga RM2,500 setiap peristiwa);
6. <sup>vii</sup> Penghantaran ubat-ubatan yang tidak boleh didapati setempat;
7. Penghantaran pesanan kecemasan dan pengawasan perubatan dengan persetujuan Orang Yang Diinsuranskan terlebih dahulu;
8. Rujukan perubatan dan pengurusan janji temu perubatan atas permintaan;
9. Perundingan tele-perubatan dan penilaian keadaan Orang Yang Diinsuranskan;
10. Penghantaran pesanan kecemasan;
11. Rujukan perundangan;
12. Rujukan jurubahasa/penterjemah;
13. Keperluan visa, passport dan inokulasi;
14. Mengesan barang-barang yang hilang.

## Faedah Pilihan Gaya Hidup dan Kehidupan



### Perlindungan Peranti Pintar

Pampasan sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan Peranti Pintar Orang Yang Diinsuranskan akibat pecah masuk atau kejadian Ragut atau Percubaan Meragut.



### Perlindungan Belian Atas Talian

Pampasan harga belian untuk kehilangan barangan yang dibeli dari laman web/aplikasi palsu atau tiada penghantaran barangan yang dibeli.



### Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup

Membayar balik kos modifikasi rumah dan/atau kenderaan Orang Yang Diinsuranskan sekiranya Faedah Hilang Upaya Kekal berbayar sebanyak 50% dan lebih.



### Indemnit Kad Kredit dan Pinjaman

Membayar amaun yang perlu dibayar oleh Orang Yang Diinsuranskan untuk kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi sekiranya beliau dimasukkan ke hospital akibat Kemalangan.



### Kehilangan Peralatan Sukan

Pampasan kepada Orang Yang Diinsuranskan untuk kehilangan peralatan sukan akibat pecah masuk atau Ragut atau Percubaan Meragut.



### Perbelanjaan Rehabilitasi

Membayar balik kos perundingan dan rawatan perubatan yang ditanggung selepas keluar hospital sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rehabilitasi akibat Kemalangan.



### Terlepas Acara

Membayar balik kos tiket/yuran bayaran pendaftaran Orang Yang Diinsuranskan bagi konsert, filem, taman tema, taman hiburan, acara sukan sekiranya Faedah Pendapatan Hospital berbayar di bawah Polisi.



**Penjagaan Kejururawatan**

Membayar balik kos penjagaan kejururawatan yang ditanggung selepas keluar hospital akibat Kemalangan.



**Perkhidmatan Pengemasan**

Membayar balik kos perkhidmatan pengemasan rumah bagi Orang Yang Diinsuranskan selepas keluar dari hospital.



**Faedah Gangguan Pembelajaran**

Membayar balik yuran satu (1) semester jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital atau penaja meninggal dunia akibat Kemalangan dan kos pengangkutan untuk pulang ke rumah untuk melawat ahli keluarga terdekat yang dimasukkan ke hospital atau meninggal dunia akibat Kemalangan.



Nota untuk Program Bantuan Perubatan Dan Pemandahan Antarabangsa dan Domestik

1. Semua pemandahan dan/atau repatriasi perubatan akan sentiasa dibawah pengawasan rapi perubatan sehingga RM2,000,000 setiap orang bagi setiap peristiwa.
2. <sup>vi</sup> Orang Yang Diinsuranskan hanya boleh menggunakan perkhidmatan ini sewaktu berada di luar Malaysia.
3. <sup>vii</sup> Sehingga USD1,000 jika Orang Yang Diinsuranskan berada di luar Malaysia dan sehingga RM1,000 jika dia berada di dalam Malaysia.
4. Setiap perjalanan ke luar negara hendaklah tidak melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

## Klasifikasi pekerjaan

Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3
Pekerjaan yang bersifat bukan buruh, pentadbiran atau perkeranian – sepenuhnya di pejabat atau tempat yang tidak merbahaya seumpamanya atau pelajar sepenuh masa.	Pekerjaan yang bersifat penyeliaan atau berada di luar pejabat bagi urusan bisnes tetapi tidak melibatkan pekerjaan buruh kasar.	Pekerjaan yang bersifat buruh kasar atau melibatkan penggunaan perkakas atau jentera (tidak menggunakan mesin kayu).

## Pekerjaan Yang Dikecualikan

Penyelam, polis, tentera dan pegawai penguatkuasa undang undang, penguji kapal terbang, juruterbang atau anak kapal, pelaut dan nelayan laut dalam, pelumba kereta laju, joki, pekerja pelantar minyak, penggergaji dan pekerja kayu balak, ahli bomba, pemberita peperangan, tukang pembaik menara, pemungkah barang di pelabuhan, orang-orang yang terlibat dalam pekerjaan meruntuhkan bangunan, orang-orang yang terlibat di dalam perkhidmatan ambulans, pengguna mesin pertukangan kayu, pekerja bahan letupan, pekerja terowong dan pelombong dan aktiviti-aktiviti sukan profesional.

## Pengecualian-Pengecualian

Peperangan, perang saudara, AIDS, tidak siaman, kelahiran anak, pembunuhan atau serangan yang diprovokasi, perjalanan sebagai anak kapal, aktiviti udara, seni mempertahankan diri, berlumba, radiasi, bahan senjata nuklear.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

# Soalan lazim

## 1. Siapakah yang layak?

Warganegara Malaysia, permastautin tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas pekerjaan atau diambil bekerja secara sah di Malaysia dan/ atau pasangan/anak-anaknya yang tinggal di Malaysia secara sah. Orang Yang Diinsuranskan berusia tiga puluh (30) hari dan enam puluh lima (65) tahun pada tarikh penyertaan dan pembaharuan perlindungan Orang Yang Diinsuranskan hingga lapan puluh (80) tahun.

Bagi Faedah Gaya Hidup dan Kehidupan dan Faedah Gangguan Pembelajaran, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah berumur enam belas (16) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun untuk layak mendapat perlindungan di bawah Faedah Pilihan tersebut. Umur dirujukkan dalam Polisi ini adalah umur pada hari jadi terbaru.

Sekiranya Polisi ini dibeli oleh badan korporat, perlindungan insurans hanya untuk para pekerja badan korporat sahaja dan umur minima para pekerja yang dilindungi hendaklah berumur enam belas (16) tahun.

## 2. Adakah pelan ini akan membayar disamping polisi insurans lain yang saya miliki?

Ya, pampasan akan dibayar disamping Polisi yang lain yang anda miliki kecuali untuk faedah yang berdasarkan pembayaran balik.

## 3. Bilakah perlindungan ini akan berkuat kuasa?

Perlindungan anda akan berkuat kuasa apabila pihak Penanggung Insurans telah menerima premium dan meluluskan pengeluaran polisi.

## 4. Bilakah saya layak untuk mendapatkan Faedah Pendapatan Hospital?

Anda harus dirawat di Hospital sebagai pesakit berdaftar selama lebih daripada dua belas (12) jam.

## 5. Bagaimana saya akan mendapatkan Bonus Pembaharuan?

Selagi anda memperbaharui Polisi anda dan tiada tuntutan dibuat dalam tahun sebelumnya, bonus pembaharuan akan terpakai dalam bentuk kenaikan Jumlah Pokok Yang Diinsuranskan anda seperti berikut:

- (a) kenaikan sebanyak dua puluh peratus (20%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsuranskan yang berumur di antara tiga puluh (30) hari hingga empat puluh (40) tahun; atau
- (b) kenaikan sebanyak sepuluh peratus (10%) setahun sehingga maksima seratus peratus (100%) untuk Orang Yang Diinsuranskan yang berumur empat puluh (41) tahun dan ke atas.

Sekiranya terdapat tuntutan di bawah Hilang Upaya Kekal (apa-apa amaun), Tanggung Rugi Berganda akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor atau Tanggung Rugi Berganda (semasa menggunakan Pengangkutan Awam atau semasa perjalanan di luar negara) bonus pembaharuan akan bermula semula.

## 6. Jika ada perubahan pada profil saya, haruskah saya memaklumkan kepada pihak Penanggung Insurans?

Ya, anda diminta untuk memaklumkan kepada pihak Penanggung Insurans apa-apa perubahan mengenai alamat, pekerjaan dan hal-hal peribadi, yang akan mempengaruhi profil risiko anda.

## 7. Adakah saya dilindungi jika saya mengalami keguguran akibat terjatuh?

Ya, sekiranya keguguran berpunca daripada Kemalangan.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan jika saya menjadi mangsa ragut?

Membuat laporan polis dalam masa dua puluh empat (24) jam dan kemudian maklumkan kepada pihak Penanggung Insurans.

Risalah ini adalah sah mulai 8 Mac 2022.

Risalah ini bukan Kontrak Insurans. Penerangan untuk perlindungan yang diberi hanyalah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Keterangan yang lebih lanjut terdapat di dalam Polisi.

## Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

### Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral

Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542

E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)



AllianzMalaysia



[allianz.com.my](http://allianz.com.my)